

Mangsa banjir terus dibantu

RANCANGAN TANAH BELIA - Seramai 15 anggota Sukarelawan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat termasuk anggota perubatan turun padang bagi membantu mangsa banjir di Rancangan Tanah Belia, Banting.

Pengerusinya, Hafez Shuriddin berkata, selain misi sukarelawan ke rumah insan kurang bernasib baik sebelum ini, mangsa banjir tidak terkecuali dibantu pihaknya.

Menurutnya, sejak empat hari lalu, misi bantuan dimulakan dengan sumbangan disalurkan kepada 700 mangsa banjir di beberapa pusat penempatan mangsa banjir termasuk di Sekolah Kebangsaan Rancangan Tanah Belia (SKRTB) di sini.

Menurutnya, sumbangan disalurkan berupa makanan, pakaian, ubat-ubatan dan tilam.

"Sukarelawan kita akan terus melaksanakan misi bantuan kepada mangsa banjir terlibat sehingga keadaan kembali pulih.

"Kita sedia maklum, di pusat-pusat pemindahan banjir,



Hafez (dua, kanan) mengedarkan sumbangan kepada mangsa banjir.

JKM menyediakan bantuan, namun kita menambahkan lagi bantuan seperti tilam dan makanan untuk memastikan keselesaan mangsa banjir terutama warga emas dan kanak-kanak, di sini," katanya yang turut membantu mangsa banjir dalam urusan pendaftaran bersama JKM di SKRTB.

Hafez berkata, dengan adanya misi bantuan seperti itu, ia menjadi platform untuk melatih lebih ramai golongan muda menyertai bidang

sukarelawan

"Untuk misi seterusnya, sukarelawan bakal memfokuskan kepada membantu penduduk membersihkan rumah mangsa.

"Kami ingin membantu meringankan beban mereka," katanya.

Selain penempatan mangsa banjir di pusat pemindahan banjir di SKRTB, empat buah pusat pemindahan banjir turut dibuka di sekitar Kuala Langat termasuk

Dewan Genting Sanyen, Balai Raya Kampung Orang Asli Bukit Serdang, Dewan Orang Ramai Bukit Changgang dan Balai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Batu 9, Kebun Baru.

Manakala pusat pemindahan JKKK Batu 9, Kebun Baru telah ditutup petang kelmarin selepas 12 mangsa daripada empat keluarga dibenarkan pulang ke rumah masing-masing berikutan keadaan kembali pulih.